



**PEKELILING DALAMAN
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU**

**PEMBERIAN CUTI TANPA REKOD BAGI MENGHADIRI LATIHAN /
KEJOHANAN SUKAN DAN JURULATIH DI BAWAH KELOLAAN &
PENGANJURAN
SUKAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SE-MALAYSIA (SUKSEM),
SUKAN JABATAN KETUA MENTERI (JKM)
MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN
MALAYSIA (MAKSAK) DAN DBKK**

Bahagian Saraan, Pencen dan Kemudahan
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

22 Jun 2026

**PEMBERIAN CUTI TANPA REKOD BAGI MENGHADIRI LATIHAN / KEJOHANAN
SUKAN DAN JURULATIH DI BAWAH KELOLAAN & PENGANJURAN
SUKAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SE-MALAYSIA (SUKSEM),
SUKAN JABATAN KETUA MENTERI (JKM)
MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN MALAYSIA
(MAKSAK) DAN DBKK**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan garis panduan pemberian Cuti Tanpa Rekod (CTR) kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam latihan, kejohanan sukan dan jurulatih yang dianjurkan di bawah kelolaan dan penganjuran SUKSEM, Sukan JKM, MAKSAK dan DBKK.

2. LATAR BELAKANG

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mengiktiraf kepentingan penglibatan pegawai dan kakitangan dalam aktiviti sukan sebagai medium untuk meningkatkan tahap kesihatan, kecergasan, disiplin serta semangat kerja berpasukan.

Walau bagaimanapun, pihak pengurusan mendapati terdapat penyertaan pegawai dan kakitangan dalam latihan serta kejohanan sukan di luar jabatan yang melibatkan tempoh yang agak panjang sehingga menjejaskan kelancaran operasi dan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Sehubungan itu, bagi memastikan keseimbangan antara penglibatan dalam aktiviti sukan dan keperluan penyampaian perkhidmatan, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa hanya penyertaan bagi latihan dan kejohanan sukan yang dianjurkan atau dikelola oleh SUKSEM, Sukan JKM, MAKSAK dan DBKK sahaja boleh dipertimbangkan untuk diberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR), tertakluk kepada keperluan perkhidmatan serta kelulusan Ketua Jabatan.

3. KELAYAKAN

Kemudahan CTR boleh dipertimbangkan kepada pegawai atau kakitangan seperti berikut:

- 3.1 Dipilih secara rasmi untuk menyertai latihan , kejohanan sukan dan jurulatih di bawah kelolaan SUKSEM, Sukan JKM, MAKSAK atau DBKK;
- 3.2 Mengemukakan surat panggilan, surat pelantikan, surat jemputan atau dokumen pengesahan penyertaan daripada pihak penganjur; dan
- 3.3 Mendapat perakuan Ketua Bahagian serta kelulusan Ketua Jabatan.

4. KETETAPAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan bagi menghadiri latihan atau kejohanan sukan yang tidak berada di bawah kelolaan SUKSEM, Sukan JKM, MAKSAK atau DBKK tidak akan dipertimbangkan bagi kemudahan CTR di bawah pekeliling ini. Walaubagaimanapun boleh dipertimbangkan sekiranya mengemukakan permohonan cuti rehat atau cuti tanpa gaji;
- 4.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa perakuan yang diberikan tidak menjejaskan operasi, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan jabatan.
- 4.3 Kelulusan CTR adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan keperluan operasi semasa jabatan.

5. TEMPOH CUTI

- 5.1 Tempoh CTR yang diluluskan hendaklah berdasarkan tempoh latihan rasmi dan/atau kejohanan yang disahkan oleh pihak penganjur.
- 5.2 Tempoh kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan.

6. TATACARA PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia melalui Ketua Jabatan sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh latihan atau kejohanan.
- 6.2 Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan yang berkaitan.
- 6.3 Pegawai atau kakitangan yang telah menghadiri latihan atau kejohanan hendaklah mengemukakan salinan sijil penyertaan atau dokumen pengesahan kehadiran sekiranya diperlukan oleh jabatan.


7. KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan hendaklah dipatuhi oleh semua anggota perkhidmatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI DR. HAJI SABIN BIN SAMITAH, JP)
MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU